iTEKAD

BANTUAN KEPADA USAHAWAN MIKRO UNTUK MEMULAKAN ATAU MENGEMBANGKAN PERNIAGAAN

SIRI 17/2025

iTEKAD merupakan program bantuan kepada usahawan mikro, terutamanya golongan B40 dan asnaf untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Inisiatif ini diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2025.

RM 20 JUTA
GERAN PADANAN

TAMBAHAN
RM 5 JUTA
SUBSIDI CARUMAN TAKAFUL BAGI USAHAWAN MIKRO TERMASUK PENIAGA KECIL, PENGHANTAR BARANG DAN MAKANAN DAN PESERTA INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR)

Program iTEKAD diselaraskan oleh Institusi Kewangan Peserta iTEKAD dengan kerjasama rakan pelaksana iaitu:

- Penyedia Latihan
- Majlis Agama Islam Negeri
- Pertubuhan Bukan Kerajaan
- Agensi Kerajaan

3 KOMPONEN KRITIKAL iTEKAD

- Pendanaan untuk modal awal atau pembelian aset yang diperoleh daripada dana kewangan sosial
- Latihan dan bimbingan perniagaan oleh rakan pelaksana
- Pembiayaan mikro tanpa cagaran untuk modal kerja

SIAPA YANG LAYAK MEMOHON?

01 Usahawan mikro daripada golongan B40 dan asnaf

02 Individu yang mempunyai perniagaan sedia ada atau berhasrat untuk memulakan perniagaan

03 Usahawan yang memerlukan sokongan kewangan dan latihan untuk mengembangkan perniagaan mereka

CARA MEMOHON

1 Hubungi cawangan institusi kewangan bagi mendapatkan borang permohonan dan maklumat lanjut

2 Sediakan dokumen sokongan antaranya:

1. Salinan kad pengenalan
2. Dokumen berkaitan perniagaan contohnya lesen perniagaan dan penyata kewangan
3. Surat pengesahan status asnaf atau B40 (jika berkenaan)

3 Hantar permohonan bersama dokumen sokongan ke cawangan institusi kewangan terdekat atau melalui saluran yang ditetapkan

Untuk maklumat lanjut, sila layari
https://www.bnm.gov.my/social-finance.com.my

MALAYSIA MADANI

MADANI BEKERJA